

SUBDIALEK MUKIM BUKIT KEPONG: SATU KAJIAN RINTIS

(SUBDIALECTS OF BUKIT KEPONG MUNICIPALITY: A PILOT STUDY)

Julaina Nopiah, Junaini Kasdan & Mohd Faizal Mohamed Nor

Abstrak

Dialek Melayu merupakan salah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh sekumpulan penutur untuk berinteraksi antara satu sama lain. Banyak kajian yang berkaitan dengan dialek telah dilakukan dalam pelbagai aspek. Namun, kajian yang memberikan tumpuan secara khusus kepada varian subdialek Bukit Kepong, Muar, Johor belum lagi ditemukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti leksikal subdialek masyarakat di Mukim Bukit Kepong, Muar, Johor; dan selanjutnya dibandingkan dengan leksikal bahasa Melayu standard. Kajian kualitatif ini melibatkan temu bual berstruktur, pemerhatian ikut serta, catatan, rakaman video dan rakaman suara terhadap informan terpilih. Sebanyak tiga orang informan, yang terdiri daripada penduduk asal dari salah sebuah kampung yang terletak di kawasan Bukit Kepong terlibat dalam kajian ini. Data dan maklumat yang diperoleh kemudiannya ditranskripsikan menggunakan simbol fonetik untuk proses selanjutnya. Bagi tujuan analisis, data dipaparkan dalam bentuk jadual, dan dihuraikan secara linguistik untuk memperlihatkan hasil dapatan yang lebih jelas. Kajian ini berjaya merakamkan 40 leksikal dialek Melayu Bukit Kepong, dan mendapati 40 leksikal subdialek Bukit Kepong tersebut mempunyai makna yang tersendiri dalam bahasa Melayu standard, contohnya [gəndet], [gəlipo], [lətʃə], [bəbaʔ] dan [tʃikə]. Pengkaji turut menemukan lima leksikal berhubung kata ganti nama dan sapaan, dua ungkapan kata tanya serta empat ungkapan berpasangan hasil daripada temu bual yang dijalankan. Pada umumnya, kajian ini telah dapat membuktikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa wujud satu lagi subdialek Muar-Batu Pahat yang tidak pernah dibicarakan sebelum ini, iaitu subdialek Bukit Kepong. Kajian ini juga membuka ruang baharu kepada masyarakat luar untuk mengetahui keunikan dialek masyarakat mukim Bukit Kepong, umumnya; dan membuka horizon baharu kepada para sarjana untuk melakukan kajian yang lebih komprehensif terhadap dialek ini.

Kata kunci: Dialek, leksikal, bahasa Melayu, transkripsi, Bukit Kepong

Abstract

The Malay dialect is a variety of languages used by Malay speakers to communicate with each other. There are many studies related to dialect have been done in various aspects. However, the studies specifically regarding Bukit Kepong, Muar dialect have not yet been established. Therefore, this study objective is to identify the lexical of the local community dialect in Mukim Bukit Kepong, Muar, Johor and then, it will be compared with the standard Malay language lexical. This qualitative study involves structured interviews, participating observation, notes, and audio and video recording on selective informants. A total of three aboriginal peoples from the area of Mukim Bukit Kepong has been involved in

this study. The collected data and information are transcribed using phonetic symbols for further process. For analysis, the data is displayed in table form and analyzed linguistically for the detailed findings. This study records 40 lexical Malay dialect of the Bukit Kepong and found 40 lexical Bukit Kepong dialect have their meaning in the standard Malay language, for example, [gəndet], [gəliŋo], [lətʃə], [bəbaʔ] and [tʃikə]. Researchers also found five lexical items related to pronouns and greetings, two question word expressions and four paired expressions. This study proves that either directly or indirectly, there is another sub-dialect of Muar-Batu Pahat which has never been discussed before, the dialect of Bukit Kepong. This study provides an opportunity for the outside community to appreciate the uniqueness of the Mukim Bukit Kepong dialect and a new horizon for the scholars to conduct a more comprehensive study on this dialect.

Keywords: *Dialect, lexical, Malay language, transcription, Bukit Kepong*

PENGENALAN

Kajian dialek sememangnya merupakan suatu kajian sosiolinguistik yang amat menarik untuk diterokai. Menurut Fazal Mohamed dan Amir Imran (2019), dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik. Collins (1986) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dibezakan secara tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Sebagai buktinya, terdapat pelbagai dialek daerah di Malaysia, misalnya dialek Terengganu, Kelantan, Kedah, dan Negeri Sembilan. Menurut Mario dan Gaynor (1960) serta Abdul Hamid Mahmood (1993), dialek merupakan bentuk khusus sesuatu bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan masyarakat penutur di daerah atau kawasan geografi tertentu. Senario ini jelas menunjukkan bahawa dialek dan kawasan geografi merupakan elemen yang saling berkait antara satu sama lain.

Penyebaran dialek-dialek Melayu yang meliputi sesebuah kawasan ini secara tidak langsung menyebabkan wujudnya satu keperluan bagi melaksanakan penelitian dan kajian terhadap dialek tersebut. Melalui pengelompokan yang telah dibuat oleh Asmah Hj Omar dalam Susur Galur Melayu (2015), dialek Johor merupakan dialek yang tercakup dalam kelompok selatan semenanjung Malaysia. Sebutan yang terdapat dalam dialek Johor adalah tidak begitu ketara perbezaannya jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard atau dengan dialek-dialek lain yang dituturkan di kawasan timur atau utara. Hal ini demikian kerana wujudnya stigma yang mengatakan bahawa bahasa Melayu standard adalah bertunjangkan dialek Johor. Justeru, darjah kepelbagaian dialek Johor dikatakan paling kurang mendapat perhatian berbanding dialek-dialek negeri lain di Malaysia.

Menelusuri sejarah awal daerah Muar, terdapat beberapa kelompok masyarakat Melayu yang mendiami kawasan-kawasan kampung di sepanjang Sungai Muar sebelum pertengahan abad ke-19. Mengikut sejarah Muar, nama-nama kampung pada zaman dahulu dikenali sebagai zaman puntong berasap yang telah dinamakan bersempena dengan nama teluk (Nur Hidayah Abd Rahman et al. 2021). Sebagai contoh, Teluk Cermin Sembilan kini telah dikenali sebagai Bukit Kepong. Melalui pengelompokan yang telah dilakukan oleh Asmah dalam Susur Galur Bahasa Melayu (2015), dialek Johor tergolong dalam kelompok di bahagian selatan semenanjung Malaysia. Sebutan yang terkandung dalam dialek Johor adalah tidak begitu ketara jurang perbezaannya jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Justeru, kajian ini akan menunjukkan kelainan leksikal dalam subdialek Bukit Kepong berbanding dengan bahasa Melayu standard. Kelainan yang ditunjukkan oleh subdialek ini, bukannya daripada aspek fonologi seperti mana yang dilihat dalam kepelbagaian kajian dialek yang lain, tetapi lebih kepada perbezaan daripada aspek leksikal yang digunakan.

Pengkajian Dialek Johor

Penyelidikan berkaitan dialek acap kali ditelusuri oleh pengkaji-pengkaji tempatan kerana kajian berkenaan dialek ini bukanlah satu senario baru yang berlaku di Malaysia. Kepelbagaian dialek telah menarik perhatian para sarjana bahasa untuk mengkaji dialek-dialek yang terdapat di Malaysia. Lebih-lebih lagi, penelitian mengenai dialek Johor sememangnya menarik perhatian pengkaji memandangkan masyarakat kebanyakan menganggap bahawa dialek ini tidak begitu ketara perbezaannya dengan bahasa Melayu standard. Justeru, penyelidikan yang berteraskan kajian dialek di negeri Johor ini agak jarang diketengahkan oleh para penyelidik dek darjah kepelbagaian dialek Johor yang dikatakan paling rendah berbanding dialek-dialek negeri di tanah air yang lain.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kajian dialek di negeri Johor, misalnya penyelidikan mengenai persempadanan yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (2015) dalam *Susur Galur Melayu*. Kajian beliau memperlihatkan percampuran ciri-ciri dalam dialek di bahagian kawasan sempadan, tamsilnya antara Johor dengan Melaka dan Johor dengan Pahang. Namun begitu, tiada perbezaan yang ketara daripada segi sistem fonologi. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mukhlis Abu Bakar (2019) memberi penekanan berkaitan penstandardan bahasa dengan meneliti evolusi bahasa standard dan sebutan standard, khususnya bahasa Melayu standard (BMS), sebutan Johor-Riau (SJR atau kelainan /ə/) serta kelainan /ɑ/ dalam konteks sosiosejarah masyarakat Melayu Singapura dan Malaysia. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Shariffulizan Malek (2011) turut memperlihatkan perilaku fonologi rangkap vokal dalam empat kumpulan dialek Melayu yang berbeza, iaitu dialek Johor, dialek Kedah, dialek Perak dan juga dialek Kelantan. Dalam kajian tersebut, mereka merumuskan rangkap vokal di peringkat dalaman akan melalui proses fonologi, seperti diftongisasi, ambisilabifikasi, peleburan vokal dan pengguguran vokal. Kajian dialek yang seterusnya dilakukan oleh James T. Collins (1996), beliau membincangkan dialek di sepanjang Sungai Muar yang mengaitkan aliran sungai dengan kajian dialek. Kajian beliau juga berjaya membuktikan bahawa banyak dialek yang tersebar di kawasan aliran sungai. Hasil dapatan penyelidikan ini turut memperincikan bahawa perubahan sistem bunyi bahasa adalah disebabkan oleh faktor sejarah dan faktor geografi, misalnya anak sungai, bukit dan hutan. Namun begitu, kajian-kajian ini bukan sahaja hanya terhad kepada perubahan sistem fonetik dan fonologi semata-mata, malah penelitian ke atas dialek peta di kawasan tersebut dianggap sudah tidak relevan lagi dan mempunyai kelompangan kerana peta terbabit hanya bersifat lorekan secara manual semata-mata tanpa penggunaan teknologi yang menjamin ketepatan sesuatu kawasan.

Mutakhir ini, beberapa kajian terkini berkenaan dengan dialek dengan berbantuan penggunaan teknologi telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan seterusnya membuahkan hasil dapatan yang unik dan dilihat rasional untuk dikaji pada masa ini. Antara kajian lepas yang dijalankan dengan berteraskan teknologi dalam aspek pembinaan peta isoglos ialah 'Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik', 'Migrasi dan Landskap Baharu Dialek di Johor', 'Kata Ganti Nama Dialek Melayu Terengganu: Analisis Geolinguistik' dan *The Continuum of Terengganu Dialect Along the East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study*. Kajian-kajian yang telah dilakukan bersifat multidisiplin, iaitu menggabungkan bidang linguistik dan bidang geografi, dengan memanfaatkan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Selain itu, Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2014, 2017, 2020, 2021) merupakan antara perintis awal yang menggunakan perisian GIS dalam kajian dialek di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah dan rakan-rakan merupakan kajian yang berasaskan analisis geolinguistik. Antara kajian yang telah dijalankan ialah kajian dialek Melayu di Langkawi, Perak dan Johor.

Selain daripada kajian tersebut, terdapat juga beberapa orang pengkaji lain yang mengkaji dialek Johor. Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2019) misalnya, melalui kajian yang bertajuk "Sebaran Leksikal 'Ular' di negeri Johor berdasarkan Pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS)" berjaya mengenal pasti sebaran varian dialek Melayu di keseluruhan Johor, menghuraikan perubahan leksikal berdasarkan angkubah linguistik dan angkubah bukan linguistik serta mencirikan bentuk sebaran menerusi paparan peta isoglos dan peta koroplet di kawasan penyelidikan. Hal ini demikian kerana varian Johor merujuk kepada satu bentuk pertuturan yang dituturkan oleh orang Melayu di sekitar negeri tersebut. Dapatan kajian

pengkaji-pengkaji ini telah berjaya memaparkan sebanyak lapan sebaran varian yang wujud di negeri Johor berdasarkan penggunaan leksikal 'ular'.

Seterusnya, kajian dialek Johor yang terkini bertajuk "Migrasi dan Landskap Baharu Dialek di Johor". Kajian ini dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi dan Fazal Mohamed pada tahun 2020. Kajian tersebut juga berjaya mengenal pasti bahasa dan dialek yang digunakan di negeri Johor, kesan migrasi dan seterusnya membentuk peta landskap isoglos baharu dialek di negeri tersebut dengan bantuan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dapatan kajian memperlihatkan empat penggunaan bahasa yang ketara di kawasan kajian, selain daripada dialek Johor itu sendiri, iaitu bahasa Jawa, Bugis, Banjar dan Minang. Bahasa-bahasa ini wujud kesan daripada migrasi antara wilayah. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kajian-kajian lepas, secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa pengaplikasian penggunaan GIS ini membantu pengkaji meneliti fenomena geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebaran sesuatu dialek dengan lebih tepat.

Permasalahan kajian

Berdasarkan pengelompokan yang dibuat oleh Asmah Hj Omar (2015) dalam *Susur Galur Melayu* dialek Johor merupakan dialek yang tercakup dalam kelompok dialek selatan Semenanjung Malaysia. Berdasarkan pembahagian subkawasan tersebut, dialek Muar telah dikelompokkan di bawah subkawasan kedua, iaitu subkawasan Muar-Batu Pahat (Asmah Hj Omar 2015). Berdasarkan pembahagian subkawasan dalam dialek Johor juga, didapati bahawa subdialek Bukit Kepong tidak langsung disentuh oleh pengkaji. Justeru, kajian ini dianggap wajar dilakukan untuk menunjukkan kehadiran varian dalam subdialek Muar. Perbezaan sebutan leksikal yang terdapat dalam subdialek Bukit Kepong mempunyai perkaitan yang rapat dengan pembentukan penempatan di Muar, khususnya di persisiran sungai mengikut sejarah asal penempatannya (Abdul Malik Munip 1973). Menurut Norazila Alias (1986), sesuatu bahasa atau dialek itu berbeza daripada bahasa atau dialek yang lain adalah disebabkan oleh sejarah, pengaruh alam dan persekitaran yang berlainan.

Menurut Asmah Hj Omar (1991), dialek-dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia telah dikategorikan kepada lima kawasan utama, iaitu kelompok barat daya yang terdiri daripada dialek Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang yang meliputi Perak utara; kelompok timur laut yang terdiri daripada dialek Kelantan; kelompok timur yang meliputi negeri Terengganu; kelompok selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor serta Perak selatan; dan dialek Negeri Sembilan dikelompokkan sebagai kelompok keenam.

Selanjutnya, berdasarkan pengelompokan yang dibuat oleh Asmah Hj Omar (2015) dalam *Susur Galur Melayu*, dialek Johor merupakan dialek yang tercakup dalam kelompok selatan. Berbeza dengan dialek-dialek yang dituturkan di kawasan timur dan utara, sebutan yang terdapat dalam dialek Johor adalah tidak begitu ketara perbezaannya jika hendak dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Hal ini demikian kerana terdapat anggapan umum yang mengatakan bahawa bahasa standard berasaskan dialek Johor. Selain itu, darjah kepelbagaian dialek Johor juga dikatakan paling kurang, berbanding dialek-dialek negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kelainan dalam dialek ini di bahagian kawasan sempadan seperti kawasan sebelah utara, iaitu dari pantai barat sehingga ke pantai timur. Kawasan ini dilihat terdapatnya percampuran ciri-ciri antara dialek Johor dengan dialek Melaka dan antara dialek Johor dengan dialek Pahang yang menyebabkan tiadanya perbezaan-perbezaan yang besar daripada segi sistem bunyi bahasa yang dituturkan. Melalui perbezaan kecil tersebut, dialek Johor dapat dibahagikan kepada tiga subkawasan, iaitu subkawasan Johor, subkawasan Muar dan subkawasan Mersing. Berdasarkan pembahagian subkawasan tersebut, dialek Muar dikelompokkan di bawah subkawasan kedua, iaitu subkawasan Muar-Batu Pahat (Asmah Hj Omar 2015). Subkawasan ini mempunyai hubungan yang hampir dengan negeri Melaka Selatan sehinggakan dialek Johor di kawasan ini mempunyai pengaruh dari negeri bersejarah tersebut. Subdialek Muar-Batu Pahat dijadikan wadah pertuturan antara masyarakat di kawasan tersebut. Perbezaan subdialek Muar-Batu Pahat (MBP) terletak pada penyebutan "-ar" pada akhir kata. Konsonan [f] yang digugurkan dalam subdialek Johor Bahru tidak melibatkan proses perubahan fonetik [ɑ]. Berbeza dengan subdialek Muar-Batu Pahat,

pengguguran konsonan akan berlaku serta mengakibatkan perubahan fonetik vokal tersebut bagi menghasilkan [ô]. Penghasilan [ô] itu menyebabkan subdialek Muar-Batu Pahat memiliki tujuh jenis vokal berbanding subdialek Johor Bahru yang mempunyai enam jenis vokal (Asmah Hj Omar 2015). Sebagai contoh, lihat Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Subdialek Muar-Batu Pahat

JB	MBP	BMS
baka	bakô	bakar
leba	lebo	lebar
běsa	běsô	besar

(Asmah Hj Omar 2015)

Berdasarkan pembahagian subkawasan dalam dialek Johor, didapati tiada langsung disentuh tentang subdialek Bukit Kepong. Justeru, kajian ini dianggap wajar dilakukan sebagai penambahbaikan terhadap pengelompokan dialek-dialek Melayu, khususnya dalam dialek Johor. Selain itu, hasil daripada tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian yang berkaitan, didapati bahawa penggunaan subdialek Bukit Kepong masih belum didokumentasikan secara rasmi. Disebabkan masih belum ada pengkaji terdahulu yang mengkaji mengenai subdialek Bukit Kepong, tidak ada bukti yang kukuh untuk menunjukkan sesuatu entri atau kata yang digunakan oleh masyarakat Bukit Kepong. Sehubungan itu, pengkaji melakukan kajian yang secara khusus melihat kelompongan yang ada dalam kajian lepas dengan meneliti satu lagi variasi dalam subdialek Muar-Batu Pahat yang ada, iaitu subdialek Bukit Kepong. Kajian ini mengemukakan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti leksikal dialek masyarakat di Mukim Bukit Kepong serta menganalisis perbezaan leksikal subdialek Melayu Bukit Kepong dengan subdialek Muar-Batu Pahat.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kajian lapangan menggunakan wawancara responden, yang terdiri daripada penutur natif subdialek Bukit Kepong.

Informan Kajian

Informan bagi kajian awal ini terdiri daripada tiga orang penduduk tempatan di Mukim Bukit Kepong, Muar, Johor. Pemilihan informan kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri umum yang biasa digunakan oleh para pengkaji dialek, iaitu NORMs. Konsep ini adalah merujuk kepada *nonmobile, older, rural* dan *males*. Tempoh lama menetap bagi seseorang informan mempengaruhi keaslian bahasa yang hendak diselidiki, manakala usia bagi seseorang informan pula menggambarkan gaya bahasa yang lebih tradisional (Chambers dan Trudgill 1998; Idris Aman et al. 2019). Justeru, informan yang dipilih dalam kajian ini kesemuanya adalah penduduk jati Bukit Kepong, lelaki serta berumur dalam lingkungan 55 sehingga 70 tahun.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekitar Mukim Bukit Kepong, Muar, Johor (Rujuk Rajah 1). Tiga lokasi kajian yang dipilih ialah Kampung Tui, Kampung Sungai Meda dan Kampung Kecil.



Rajah 1. Peta Bukit Kepong

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan lima bahan sebagai instrumen bagi mendapatkan data. Material tersebut adalah temu bual berstruktur, pemerhatian ikut serta, catatan dan rakaman video serta rakaman suara. Pengkaji menggunakan temu bual berstruktur dan soalan yang dipilih adalah berkenaan dengan penggunaan dialek di kawasan Bukit Kepong. Soalan yang diajukan adalah untuk mengenal pasti makna variasi leksikal dialek Melayu di Bukit Kepong. Selain itu, pemerhatian ikut serta dilakukan agar pengkaji memperoleh dapatan seperti yang telah ditetapkan. Melalui kaedah ini juga, pengkaji mencatat setiap variasi leksikal yang berkaitan dengan subdialek Bukit Kepong. Seterusnya, pengkaji turut menggunakan rakaman video serta rakaman suara sebagai bahan bagi kajian ini. Hal ini bertujuan bagi merekod setiap pertuturan informan sewaktu mereka menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji. Sampel pertuturan ini diperoleh secara individu. Walau bagaimana pun, kajian ini hanya menggunakan soalan menamakan sesuatu kerana yang dipentingkan di sini ialah mendapatkan sebanyak mungkin leksikal dialek yang ada. Secara individu, pengkaji menamakan informan nama sesuatu perkara/benda atau peristiwa dalam bahasa standard dan cara mereka menyebut perkataan tersebut dalam sebutan dialek. Kajian berjaya merekodkan sebanyak 40 leksikal yang merangkumi kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kategori lain-lain yang sukar dipastikan kelas katanya.

Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan dua objektif kajian, kaedah pengumpulan data dibahagikan mengikut kesesuaian untuk mencapai objektif yang berkesan. Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian ikut serta, catatan dan rakaman video serta rakaman suara bagi mendapatkan data daripada informan tersebut. Selain itu, kaedah kepustakaan digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat tambahan yang boleh digunakan untuk membantu pengkaji semasa membuat kajian. Maklumat tambahan yang diperoleh melalui kaedah ini telah membantu dalam mengukuhkan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji.


Kaedah Penganalisan Data

Kaedah penganalisan data adalah suatu proses yang sistematik dalam mengurus dan memaparkan hasil dapatan kajian dengan cara yang mudah difahami. Penganalisan data ini melibatkan proses menguruskan data dan mensintesis data, mengkaji hasil dapatan kajian serta

menginterpretasikan hasil dapatan kajian. Secara keseluruhannya, proses penganalisan data meliputi tiga urutan aktiviti, iaitu penyaringan data, persembahan data dan penulisan kesimpulan atau verifikasi. Penyaringan data dilakukan oleh pengkaji untuk mengurangkan jumlah data dengan memilih dan mengasingkan data yang kurang relevan. Bagi tujuan analisis data, jadual dan huraian dimanfaatkan. Selanjutnya, proses kesimpulan atau verifikasi dilakukan bertujuan untuk menjamin kesahan kajian. Oleh hal yang demikian, kesimpulan yang dibina akan disokong dengan bukti-bukti daripada data yang dikumpulkan daripada informan kajian. Perlu dijelaskan bahawa kajian ini hanya merupakan kajian rintis, yang tujuan utamanya adalah untuk menunjukkan kewujudan subdialek ini kepada masyarakat. Oleh itu peta yang dimasukkan dalam penulisan ini hanya merupakan peta taburan leksikal yang hanya bertujuan menunjukkan kewujudan leksikal-leksikal tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan di lapangan, terdapat sebanyak 40 leksikal yang dikenal pasti sebagai subdialek Bukit Kepong. Leksikal-leksikal ini kemudiannya dikelompokkan kepada empat kategori, iaitu Kata Nama (KN), Kata Kerja (KK), Kata Adjektif (KA) dan Lain-lain (LL) yang merujuk kepada kata-kata yang tiada mempunyai kelas kata. Rajah 2 merupakan gambaran pecahan jumlah leksikal dialek mukim Bukit Kepong.



Rajah 2. Pecahan Leksikal Dialek Masyarakat di Mukim Bukit Kepong

Berdasarkan 40 leksikal dialek yang dikenal pasti, sebanyak 10 leksikal (25%) daripada keseluruhan leksikal adalah dalam kategori Kata Nama (KN). Sebanyak 12 leksikal (30%) pula adalah dalam kategori Kata Kerja (KK). Selain itu, sebanyak 10 leksikal (25%) seterusnya adalah daripada kelas Kata Adjektif (KA), manakala 10 (20%) selebihnya, iaitu lapan leksikal lagi dikategorikan dalam kelompok lain-lain.

Bagi tujuan penulisan ini, hanya lima leksikal yang akan diambil bagi setiap kategori kata untuk dibincangkan. Leksikal ini akan dimasukkan dalam bentuk jadual serta akan ditranskripsikan dalam bentuk simbol fonetik serta dihuraikan takrifannya berdasarkan makna dalam bahasa Melayu standard.

Leksikal Kata Kategori Umum

Leksikal kata nama subdialek Bukit Kepong yang dipaparkan dalam Jadual 2, leksikal kata kerja subdialek Bukit Kepong dalam Jadual 3 dan leksikal kata adjektif subdialek Bukit Kepong dalam


Jadual 4 merupakan contoh leksikal yang dimasukkan dalam kategori umum. Leksikal-leksikal ini merupakan perkataan yang lazim digunakan oleh masyarakat setempat ketika berkomunikasi.

Leksikal Kata Nama

Kata nama ialah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, haiwan, tempat, benda atau konsep (Nik Safiah Karim et al. 2011). Antara kata nama dalam subdialek Bukit Kepong yang ditemui melalui kajian ini adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Leksikal Kata Nama Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
lento	[lento]	Guruh (bunyi yang datangnya dari langit, yang pada kebiasaannya didahului oleh kilat).
gendit	[gəndet]	Tangkal yang diikat pada pergelangan tangan atau pinggang.
gelinyo	[gəlino]	Anting-Anting.
kenyit	[kənet]	Kilat/ cahaya yang memancar di langit.
leca	[lətʃə]	Tilam.
kaus	[kaʷos]	Katil.
biuku	[biʷuku]	Labi-labi.
mengong	[meyɔŋ]	Sejenis serangga perosak tanaman (buah-buahan).
kekah	[kəkah]	Sejenis binatang yang digambarkan seperti beruk.
sepaya	[səpaja]	Buah betik.




Rajah 3. Taburan Leksikal Kata Nama Subdialek Bukit Kepong Mengikut Lokasi

Leksikal Kata Kerja

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen, dan keterangan (Nik Safiah Karim et al. 2011). Sebahagian leksikal kata kerja yang ditemui dalam subdialek Bukit Kepong dipaparkan dalam Jadual 3, manakala taburan leksikal-leksikal tersebut dipaparkan dalam Rajah 4.

Jadual 3. Leksikal Kata Kerja Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
pepah	[pəpəh]	Memukul.
membeto	[məmbeto]	Membebel.
sogon	[sogon]	Hantuk.
colok	[tʃoloʔ]	memasukkan tangan ke dalam sesuatu bekas.
tokoh	[tokoh]	Menunduk kepala.
encap	[əntʃap]	Perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam bekas secara berulang (seperti memukul adunan kuih bahulu menggunakan kaedah secara tradisional).
membese	[məmbese]	Buang air kecil.
empok	[əmpoʔ]	Lembut (perihal ubi kayu yang direbus).
libas	[libas]	Perihal memukul menggunakan sesuatu alatan seperti rotan.
piyal	[piʔal]	Perbuatan mencubit dengan keadaan memulaskan jari (contohnya, piyal telinga).
sangap	[saŋap]	Menguap.
ongges	[oŋges]	Perbuatan menggigit dengan keadaan mulut yang terbuka luas (contoh perbuatan menggigit buah epal).




Rajah 4. Taburan Leksikal Kata Kerja Subdialek Bukit Kepong Mengikut Lokasi

Leksikal Kata Adjektif

Kata adjektif merujuk kepada kata yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain, seperti kata bantu atau kata penguat. Jadual 4 memaparkan sebahagian daripada leksikal kata adjektif subdialek Bukit Kepong dan taburan leksikal tersebut dipaparkan dalam Rajah 5.

Jadual 4. Leksikal Kata Adjektif Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
bebak	[bəbɑʔ]	Roboh
cika	[tʃikə]	Sakit perut
kesam	[kəsəm]	Suam
kelese	[kələsə]	Pemalas
medu	[mədu]	Sangat manis
lokos	[ləkəs]	Basah kuyup
deras	[dəyas]	Perbuatan cepat
cupul	[tʃupul]	Tumpul



Rajah 5. Taburan Leksikal Kata Adjektif Subdialek Bukit Kepong Mengikut Lokasi

Persamaan Kata Tetapi Berlainan Makna

Berdasarkan data-data yang telah dikenal pasti, pengkaji mendapati bahawa terdapat leksikal dalam subdialek Bukit Kepong sama bentuknya tetapi memiliki makna yang berbeza. Bentuk seumpama ini dapat dikelompokkan sebagai bentuk homonim, iaitu perkataan yang sama bunyi atau ejaannya dengan perkataan lain tetapi berbeza makna (Kamus Dewan Perdana 2020). Dalam hal ini, pengkaji turut meneliti perbezaan makna dari segi makna yang difahami oleh penutur dialek dan juga makna berdasarkan bahasa Melayu standard yang difahami umum oleh masyarakat Melayu, khususnya. Setelah mendapat kesahihan makna penggunaannya dari masyarakat di Mukim Bukit

Kepong, pengkaji membandingkan makna perkataan tersebut dengan bahasa Melayu standard. Makna harfiah yang dirujuk dalam kajian ini ialah definisi yang terdapat dalam Kamus Dewan Perdana (2020). Hasil kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak leksikal yang sama dengan bahasa Melayu standard, tetapi merujuk kepada makna dan konsep yang berlainan dalam subdialek Bukit Kepong. Perbezaan makna yang ketara ini menyebabkan hanya pengguna dialek tersebut sahaja yang mampu mencapai makna dan memahami konteks penggunaannya.

Hasil temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa setiap leksikal yang digunakan oleh masyarakat di Bukit Kepong ini mempunyai lengkok dan langgamnya yang tersendiri. Terdapat leksikal yang kedengaran sama dengan perkataan bahasa Melayu standard, tetapi mempunyai maksud yang berbeza dalam dialek ini. Sebagai contoh, perkataan [kəŋet] ‘kenyit’ dalam bahasa Melayu membawa maksud ‘mengenyit, mengelipkan mata atau mengangkat kening sebagai memberi syarat’ (Kamus Dewan Perdana 2020). Walau bagaimanapun, makna ini berbeza dengan situasi penggunaan perkataan yang digunakan dalam kalangan masyarakat di Mukim Bukit Kepong. Selain daripada definisi umum bahasa Melayu standard yang difahami, leksikal [kəŋet] ‘kenyit’ turut merujuk kepada istilah lain, iaitu merujuk kepada kilat, atau cahaya yang memancar di langit. Hal ini dapat dikaitkan dengan kecepatan atau kepantasan mengelipkan mata, yang pantas seperti cahaya (kilat) yang memancar di langit. Lazimnya kenyit tidak dilakukan pada kedua-dua belah mata secara serentak. Apabila cahaya (kilat) memancar dilangit yang diikuti dengan bunyi guruh orang akan menyeringai dan mengenyitkan sebelah mata sebagai ekspresi rasa takut.

Satu lagi leksikal dalam bentuk yang sama, yang ditemui dalam subdialek Bukit Kepong ialah [ʃɔloʔ]. Mengikut Kamus Dewan Perdana (2020), kata [ʃɔloʔ] ‘colok’ bermaksud “...(1) suluh yang diperbuat daripada kain buruk yang dililitkan pada kayu dan lain-lain dan dicelup ke dalam minyak, (2) mencucuk mata”. Namun, masyarakat Bukit Kepong memahami leksikal [ʃɔloʔ] ‘colok’ sebagai ‘perbuatan memasukkan jari ke dalam sesuatu bekas, sama ada dalam cawan, gelas atau mangkuk. Makna ini cenderung menyamai makna kedua yang diberikan oleh Kamus Dewan Perdana (2020). Dari aspek perbezaan makna, masyarakat Bukit Kepong memahami makna kedua dalam bahasa Melayu standard sebagai makna utama. Makna kedua [ʃɔloʔ], seperti yang dirakamkan dalam Kamus Dewan Perdana (2020) juga sebenarnya adalah kata pinjaman/serapan daripada bahasa Jawa.

Selanjutnya, selain ‘kenyit’ dan ‘colok’, satu lagi leksikal yang akan dibincangkan ialah kata /tokoh/ ‘tokoh’. Dalam bahasa Melayu standard, perkataan [tokoh] bermaksud “...(4). orang yang kenamaan (dalam apa-apa bidang), orang yang terkemuka (Kamus Dewan Perdana 2020). Berbeza dalam dialek ini, masyarakat di Bukit Kepong memahami leksikal ini sebagai kata kerja, yang merujuk kepada “perbuatan menundukkan kepala”.

Selain leksikal [kəŋet] ‘kenyit’, [ʃɔloʔ] ‘colok’ dan [tokoh] ‘tokoh’, terdapat juga empat leksikal lain yang dikategorikan sebagai homonim dengan leksikal dalam bahasa Melayu standard. Leksikal-leksikal tersebut ialah [madʒal] ‘majal’, [kəsəm] ‘kesam’, [piʒo] ‘pijo’ dan [bənɛŋ] ‘bening’. Perkataan [madʒal] ‘majal’ dalam dialek mukim Bukit Kepong mempunyai dua pengertian yang berbeza mengikut situasi dan konteks perbualan. Pertama, [madʒal] ‘majal’ membawa maksud sifat degil, atau merujuk seseorang yang keras kepala. Hal ini dapat dikaitkan dengan sifat individu yang sering merasakan keputusan yang dilakukan olehnya adalah sentiasa benar, malahan tidak peduli akan kata-kata, nasihat dan teguran yang diberikan oleh orang lain. Kedua, perkataan [madʒal] ‘majal’ juga membawa maksud “sifat ubi rebus yang tidak empuk walaupun direbut dengan lama.” Namun, dalam bahasa Melayu standard, leksikal ini bermaksud sifat tumpul atau tidak tajam, yang merujuk kepada pisau, pedang dan lain-lain. Perbezaan makna leksikal ini dilihat ketara, kerana tiada pertalian atau perkaitan antara makna dalam kedua-dua situasi penggunaannya.

Perkataan [kəsəm] 'kesam' dalam kalangan masyarakat Mukim Bukit Kepong pula merujuk kepada keadaan air yang suam. Kebiasaannya air kesam dirujuk sebagai air yang mempunyai suhu tidak terlalu panas, dan juga tidak sejuk. Walau bagaimanapun, bagi suhu panas yang menunjukkan badan (keadaan sewaktu demam), leksikal yang digunakan ialah [dədō] bukannya kesam. Merujuk Kamus Dewan Perdana (2020), kesam adalah bermaksud dendam. Dendam bermaksud 'perasaan ataupun keinginan untuk membalas perbuatan jahat seseorang dengan perkara yang tidak baik demi memuaskan hati yang terkesan dengan perbuatan terdahulu'. Oleh yang demikian, secara jelasnya leksikal ini menunjukkan perbezaan makna bagi situasi penggunaan dalam bahasa Melayu standard dan juga dialek di Mukim Bukit Kepong.

Seterusnya leksikal yang akan dibincangkan ialah leksikal [pidʒō] 'pijo'. Leksikal ini sebenarnya berasal daripada perkataan 'pijar'. Perubahan bunyi ini berlaku disebabkan adanya pengaruh subdialek Muar-Batu Pahat, iaitu berhubung penyebutan /-ar/ di akhir kata. Dalam subdialek ini, /r/ telah digugurkan. Dalam situasi ini, pengguguran konsonan berkenaan melibatkan perubahan nilai fonetik vokal tersebut, yang menghasilkan /ō/ (Asmah Hj Omar 2015). Dalam bahasa Melayu standard, pijar memiliki tiga maksud utama, iaitu 1. Merah menyala kerana terbakar (logam); 2. Pecahan logam yang menyala; 3. Berasa seakan-akan panas kulit kerana lama memegang cili; 4. Panas betul (minyak). Berdasarkan maklumat dan pemahaman yang diperoleh daripada responden didapati bahawa leksikal [pidʒō] 'pijo' adalah merujuk kepada sifat pedih dan panas yang dirasakan oleh anggota badan apabila terkena cili, yang merupakan maksud ketiga dalam Kamus Dewan Perdana (2020).

Leksikal [bənɛŋ] 'bening' dalam pemahaman masyarakat yang bertutur subdialek Bukit Kepong bermaksud 'sifat lauk yang berkuah jernih'. Bagi masyarakat di Bukit Kepong, lauk bening yang dimaksudkan dikaitkan dengan masakan yang melibatkan sayur-sayuran. Namun begitu, makna leksikal ini adalah berbeza dengan makna yang terdapat dalam bahasa Melayu standard. Perkataan [bənɛŋ] 'bening' dalam bahasa Melayu standard merujuk kepada suasana yang sunyi (Kamus Dewan Perdana 2020). Suasana sunyi yang dimaksudkan ini adalah berkaitan keadaan sekeliling yang tenang dan senyap, ataupun kawasan hutan tebal yang tiada penghuni.

Panggilan dan Kata Ganti Nama

Melalui kajian ini, pengkaji turut mendapati bahawa masyarakat di mukim Bukit kepong juga mempunyai kata panggilan dan kata ganti nama yang tersendiri. Subdialek Bukit Kepong juga mempunyai kata tanya serta ungkapan yang berpasangan yang merujuk kepada istilah-istilah tertentu. Jadual 5 merujuk kepada senarai leksikal kata ganti nama yang umumnya digunakan oleh masyarakat di Bukit Kepong.

Jadual 5. Gelaran dan Kata Ganti Nama dalam Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
endek	[əndeʔ]	Gelaran/sapaan umum kepada kaum wanita
olop	[olop]	Gelaran/sapaan umum kepada kaum lelaki
diape	[diʌpə]	Mereka
ngape	[ŋʌpə]	Saya/kami
ngkape	[ŋkʌpə]	Awak/kamu

Lazimnya, masyarakat di Bukit Kepong akan menyapa kaum wanita dengan gelaran [əndeʔ], manakala gelaran [olop] pula digunakan untuk menyapa kaum lelaki. Selain daripada kata sapaan ini, subdialek Bukit Kepong turut mempunyai kata ganti nama yang tersendiri. Leksikal [ŋʌpə] dalam dialek ini boleh bersifat kata ganti nama diri pertama yang merujuk kepada 'saya' dan 'kami'. Bagi kata ganti nama diri kedua pula, kajian ini mencatatkan kata [ŋkʌpə] yang merujuk kepada 'awak'

atau 'kamu'. Selanjutnya, leksikal [diʔapə] dalam subdialek Bukit Kepong adalah merujuk kepada kata ganti nama diri ketiga, yang membawa maksud 'mereka' dalam bahasa Melayu standard.

Ungkapan Kata Tanya

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu (Nik Safiah et al. 2011). Jadual 6 memaparkan contoh ungkapan kata tanya yang digunakan oleh masyarakat di Bukit Kepong.

Jadual 6. Ungkapan Kata Tanya dalam Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
Agak mana gaye nya?	[agəʔ manə gəjə ɲə]?	Bagaimana?
Apa kebaatannya?	[apə kəbətʔatan ɲə]?	Kenapa/mengapa?

Petikan ayat-ayat berikut merupakan ayat yang digunakan oleh responden sewaktu sesi temu bual dijalankan.

Ayat 1:

DBK: Agak mana gayenya diape buat keje?

[agəʔ manə gəjəŋə diʔapə buwat kəjə]?

BMS: Bagaimanakah cara mereka melakukan kerja?

Ayat 2:

DBK: Apa kebaʔatannya ngkape jalan kaki ujan-ujan gini? Basah lokosle ngkape ye endek.

[apə kəbətʔatanŋə ŋkəpə dʒalan kaki ujan ujan gini. basah lokoslə ŋkəpəjə əndeʔ]

BMS: Mengapakah awak jalan kaki dalam hujan? Basah kuyuplah awak.

Ayat (1) dan ayat (2) di atas merupakan contoh ayat yang digunakan oleh informan, bagi merujuk penggunaan ungkapan kata tanya Agak mana gaye nya? dan Apa kebaatannya? apa yang menarinya di sini, selain mempunyai leksikal pertanyaan yang khusus, cara pertuturan informan sewaktu mengujarkan pertanyaan tersebut turut mempunyai lenggok dan intonasi yang tersendiri.

Kolokasi

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat penemuan kolokasi dalam subdialek Bukit Kepong. Kolokasi yang dimaksudkan dalam konsep kajian ini adalah berhubung kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan kata yang lain dalam satu susunan. Menurut Firth (1951), kolokasi melibatkan hubungan antara satu kata dengan kata yang lain (Hill, J. 2001). Berdasarkan kajian lapangan yang telah dilakukan, pengkaji telah menemui empat leksikal yang berkolokasi dengan kata lain, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.

Jadual 7. Kolokasi dalam Subdialek Bukit Kepong

DBK	SIMBOL FONETIK	BMS
diri lepo	[diri ləpo]	Perihal bayi yang sedang belajar berdiri.
patah ngito	[patah ŋito]	Perihal gigi kanak-kanak yang patah.
tawa kandes	[tawə kandes]	Perihal yang merujuk kepada bayi yang hendak menangis.
susur lepo	[susə ləpo]	Perihal yang merujuk kepada keadaan bayi yang sedang belajar berjalan (meniti).

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Nur Sufiah dan Maslida (2020), pengkaji telah menemui pasangan kata yang terdapat dalam kata adjektif dialek Terengganu. Pasangan kata seperti “baik benar”, “lurus bendul”, “hijau naung”, “merah menyala” dan ‘pendek ketot’ dalam dialek Terengganu menunjukkan darjah ‘kesangatan’ bagi kesemua kata adjektif yang digunakan. Namun, fenomena ini berbeza dengan padanan kata yang ditemui dalam subdialek masyarakat di mukim Bukit Kepong, yang mana kehadiran kata yang mengikuti sesuatu leksikal itu bukannya berperanan untuk menunjukkan darjah kesangatan, tetapi sebaliknya hanya merupakan kombinasi kata. Kesemua pasangan kata yang berkolokasi dalam subdialek ini merujuk kepada istilah khusus bayi dan kanak-kanak. Ayat (3), (4) dan (5) di bawah merupakan petikan ayat yang diperoleh semasa temu bual dijalankan.

Ayat (3)

DBK: Dah berapa bulan budak ni? Dah diri lepo ya?

[dɑh bəɾɑpə bulan budɑ? ni? dɑh diri ləpə jə?]

BMS: Sudah berapa bulan budak ini? Dah pandai “diri lepo” ya?

Ayat (4)

DBK: gini la gayanya ada anak kecil. Nanti patah ngito pulak.

[gini lə gɑjəŋə ədə ənɑk kətʃi?. Nanti pətɑh ŋitə pulɑ?].

BMS: Beginilah ada anak kecil. Nanti “patah ngito” pula.

Ayat (5)

DBK: budak tu nak nangis tu. Orang tua sebut tawe kandes.

[budɑ? tu nɑ? nəŋəs tu ɔrɑŋ tuə səbut tɑwə kɑndəs].

BMS: Budak itu mahu menangis. Orang tua sebut “tawe kandes”.

KESIMPULAN

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa kajian rintis ini berjaya menunjukkan wujudnya satu lagi variasi pertuturan subdialek Muar-Batu Pahat dalam dialek Johor. Kajian ini dianggap sebagai satu usaha mendedahkan satu dialek masyarakat yang perlu dijaga dan dikekalkan penggunaannya. Oleh kerana kajian ini adalah kajian rintis, pengkaji berharap supaya ada kajian lain yang akan melebarkan dimensi huraian dialek ini daripada aspek yang lain dengan menekankan keunikannya. Hal ini kerana, yang unik itulah yang membezakan sesuatu masyarakat bahasa dengan yang lain, dan seterusnya menjadi identiti atau jati diri utama masyarakat penuturnya.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan satu kajian di bawah pembiayaan Geran Pusat Pengurusan Penyelidikan Projek 2020 (RMCG) (RMCG20-054-0054), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang bertajuk “Pemetaan GIS Terhadap Penyebaran Dialek Lenga di Sepanjang Sungai Muar”.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Guru dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malik Munip. 1973. Sejarah Perkembangan Penduduk Rumpun Melayu Muar 1884-1920. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 1(2): 47-34.
- Asmah Hj Omar. 1991. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun. 2019. Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan dalam Komunikasi Kumpulan WhatsApp. *Akademika Isu Khas* 89: 15-28.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. 1998. *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Collins, J. T. 1986. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fazal Mohamed & Amir Imran. 2019. Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: Kajian geolinguistik. *GEOGRAFLA Online Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 16-29.
- Hill, J. 2001. Revising Priorities: From Grammatical Failure to Collocational Success” dlm. *Teaching Collocation*. England: LTP.
- Idris Aman, Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. 2019. *Dialek Negeri Sembilan Sikap Kefahaman dan Jati Diri*. Bangi: Penerbit UKM.
- Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2019. *Sebaran Leksikal ‘Ular’ di Negeri Johor Berdasarkan Pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Makhtar, R., A. Hamid, S., & Laengkang, A.G. 2017. Varian Dialek Kelantan: Satu Tinjauan Awal. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 4(2): 250-263.
- Mario, A.P. & Gaynor, F. 1960. *A Dictionary of Linguistics*. New Jersey: Adam & co.
- Mohamad Nazri Ahmad et al. 2011. Penghayatan Tradisi Lisan Melayu dalam Kalangan Masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu* (8): 111 – 132.
- Mukhlis Abu Bakar. 2019. Sebutan Johor-Riau dan Sebutan Baku Dalam Konteks Identiti Masyarakat Melayu Singapura. *Issues in Language Studies* 8(2): 61-78.
- Nabillah Bolhassan. 2019. Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Baku: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Sains Sosial Jilid* 4(1): 9-19.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015 *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazila Alias. 1986. *Dialek Kuala Pilah, Satu Tinjauan Fonologi dan Leksikal*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Athirah Adilah Wan Halim. 2021. Kata Ganti Nama Dialek Melayu Terengganu: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa* 21(1).
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed. 2020. Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor. *Akademika* 90(3): 147-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies* 17(4): 159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraf Saari. 2021. The Continuum of Terengganu Dialect Along The East Coast: A Geolinguistics Analysis. *Journal of Nusantara Studies* 6(1): 176-198.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, & Norlisafina Sanit. 2016. Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies* 16(1): 109-123.
- Nur Hidayah Abd Rahman, Julaina Nopiah, Mohamad Suhaizi Suhaimi, Al Amirul Eimer & Khairil Azwar. 2021. *The Muara: A Living River Lab in Muar*. Pagoh: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Minah Sintian & Mohd. Yusop. 2018. *Kajian Variasi Leksikal Dalam Tiga Dialek Dusunik*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Sufiah & Maslida. 2020. Kata ‘kesangatan’ dalam Frasa Adjektif Dialek Terengganu. *Jurnal Melayu* 19(1): 124-148.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Shariffulizan Malek. 2011. Fonologi Rangkap Vokal Dan Kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(3): 5-30.

Julaina Binti Nopiah, (Ph.D)
Kulliyah Of Languages And Management
Universiti Tun Hussain Onn Malaysia
Email: julainanopiah@iium.edu.my

Junaini Binti Kasdan, (Ph.D)
Felo Penyelidik
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: junaini@ukm.edu.my

Mohd Faizal Bin Mohamed Nor,
Pensyarah
Jabatan Kejuruteraan Elektrik
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussain Onn Malaysia
Email: mohdfaizal@uthm.edu.my

Diserahkan: 30 Mac 2023

Diterima: 13 April 2023

Diterbitkan: 30 Jun 2023